# Puncak Niaga Holdings Berhad

(Company No. 416087-U)

(Incorporated in Malaysia)

## NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Nineteenth Annual General Meeting of Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) will be held at Concorde I, Concorde Hotel Shah Alam, Level 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan on Wednesday, 25 May 2016 at 10.00 a.m. for the following purposes:-**

**AS ORDINARY BUSINESSES**

1. To receive the Audited Financial Statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2015 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon.

2. To re-elect the following Directors of the Company who retire by rotation pursuant to Article 98 of the Company's Articles of Association:-

   (a) YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail **Resolution 1**
   (b) YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy **Resolution 2**
   (c) YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud **Resolution 3**

3. To re-elect the following Director of the Company who retires by rotation pursuant to Article 103 of the Company's Articles of Association:-

   (a) YBhg Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir **Resolution 4**

4. To consider and, if thought fit, to pass the following Ordinary Resolution in accordance with Section 129 of the Companies Act, 1965:-

   **Ordinary Resolution 1**
   **Re-appointment Pursuant To Section 129 Of The Companies Act, 1965**

   **"THAT** YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, retiring pursuant to Section 129 of the Companies Act, 1965, be and is hereby re-appointed as a Director of the Company and to hold office until the next Annual General Meeting of the Company." **Resolution 5**

5. To re-appoint Messrs KPMG as the Auditors of the Company for the ensuing year and to authorise the Directors of the Company to fix their remuneration. **Resolution 6**

**AS SPECIAL BUSINESSES**

To consider and, if thought fit, to pass the following Ordinary Resolutions:-

6. **Ordinary Resolution 2**
   **Allotment Of Shares Pursuant To Section 132D Of The Companies Act, 1965**

   **"THAT** subject always to the Companies Act, 1965, the Articles of Association of the Company and the approvals of the relevant governmental/regulatory authorities, the Directors of the Company be and are hereby empowered, pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, to issue and allot shares in the Company, from time to time, and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors of the Company may deem fit provided that the aggregate number of shares to be issued pursuant to this resolution does not exceed ten per centum (10%) of the issued share capital of the Company for the time being **AND THAT** the Directors of the Company be and are hereby also empowered to obtain the approval for the listing of and quotation for the additional shares so issued on Bursa Malaysia Securities Berhad **AND FURTHER THAT** such authority shall continue to be in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company." **Resolution 7**

7. **Ordinary Resolution 3**
   **Continuing In Office As Independent Non-Executive Director**

   **"THAT** authority be and is hereby given to YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh who has served as an Independent Non-Executive Director of the Company for a cumulative term of more than nine years, to continue to act as an Independent Non-Executive Director of the Company and to hold office until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company." **Resolution 8**

8. **Ordinary Resolution 4**
   **Continuing In Office As Independent Non-Executive Director**

   **"THAT** authority be and is hereby given to YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy who has served as an Independent Non-Executive Director of the Company for a cumulative term of more than nine years, to continue to act as an Independent Non-Executive Director of the Company and to hold office until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company." **Resolution 9**

9. To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given.

**BY ORDER OF THE BOARD**

**TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)**
**LEE SIEW YOKE (MAICSA 7053733)**
**Secretaries**

Shah Alam
28 April 2016

**Notes:-**

1. In respect of deposited securities, only Members whose names appear in the Record of Depositors on 18 May 2016 (General Meeting Record of Depositors) shall be entitled to attend, speak and vote at this Nineteenth Annual General Meeting.

2. A Member entitled to attend and vote at the Meeting is entitled to appoint another person to attend and vote in his stead.

3. A proxy need not be a Member of the Company and the provision of Section 149(1)(b) of the Companies Act 1965 shall not apply to the Company. There shall be no restriction as to the qualification of the proxy.

4. A Member shall not be entitled to appoint more than two (2) proxies to attend and vote at the Meeting provided that,

   (a) where a Member is an authorised nominee as defined in the Central Depositories Act, it may appoint up to two (2) proxies in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account.

   (b) where a Member is an exempt authorised nominee which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one securities account namely, Omnibus Securities Account, there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each Omnibus Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Omnibus Securities Account.

   Where a Member appoints two (2) or more proxies (as the case maybe), the appointments shall be invalid unless he specifies the proportions of his holdings to be represented by each proxy.

5. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his attorney duly appointed under a power of attorney or if such appointer is a corporation, either under its common seal or under the hand of an officer or attorney duly appointed under a power of attorney. If this Proxy Form is signed under the hand of an officer duly authorised, it should be accompanied by a statement reading "signed as authorised officer under an Authorisation Document which is still in force, no notice of revocation having been received". If this Proxy Form is signed under the attorney duly appointed under a power of attorney, it should be accompanied by a statement reading "signed under a power of attorney which is still in force, no notice of revocation having been received". A copy of the Authorisation Document or the power of attorney, which should be valid in accordance with the laws of the jurisdiction in which it was created and is exercised, should be enclosed with this Proxy Form.

6. Any corporation which is a Member of the Company may by resolution of its Directors or other governing body authorise such person as it thinks fit to act as its representative at the Meeting in accordance with Article 82 of the Company's Articles of Association.

7. The instrument appointing the proxy must be deposited at the Office of the Company's Share Registrar, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd at Unit 32-01, Level 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time set for holding the Meeting or any adjournment thereof.

8. At any general meeting, a resolution put to the vote of the Meeting shall be decided on a show of hands unless a poll be (before or on the declaration of the result of the show of hands) demanded by either:-

   (a) the Chairman (being a person entitled to vote); or
   (b) not less than two Members present in person or by proxy and entitled to vote; or
   (c) a Member or Members present in person or by proxy and representing not less than one-twentieth of the total voting rights of all the Members having the right to vote at the Meeting; or
   (d) a Member or Members present in person or by proxy and holding shares in the Company conferring a right to vote at the Meeting being shares on which an aggregate sum has been paid up equal to not less than one-twentieth of the total sum paid up on all the shares conferring that right.

9. A demand for a poll may be withdrawn. Unless a poll be so demanded (and the demand be not withdrawn), a declaration by the Chairman that a resolution has been carried or carried unanimously, or by a particular majority, or lost and an entry to that effect in the minute book, shall be conclusive evidence of the fact without proof of the number or proportion of the votes recorded for or against such resolution.

10. No poll shall be demanded on the election of a Chairman or on a question of adjournment. A poll demanded on any other question shall be taken either immediately or at such subsequent time (not being more than thirty days from the date of the meeting) and place as the Chairman may direct. No notice need to be given of a poll not taken immediately.

11. On a poll, votes may be given either personally or by proxy and a person entitled to more than one vote need not use all his votes or cast all the votes he uses in the same way.

12. **Audited Financial Statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2015**

    The audited financial statements are for discussion only under Agenda 1, as they do not require shareholders' approval under the provisions of Section 169(1) and (3) of the Companies Act, 1965. Hence, they will not be put for voting.

**Ordinary Businesses**

13. **Resolution 5: Ordinary Resolution 1 – Re-Appointment Pursuant To Section 129 of the Companies Act, 1965**

    The Nomination Committee and the Board of Directors of the Company had assessed the independence of YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh as an Independent Director of the Company. With YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh's consent, the Nomination Committee and the Board of Directors of the Company had recommended for YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh who will attain the age of seventy three (73) years in 2016 to be re-appointed as Director of the Company pursuant to Section 129 of the Companies Act, 1965 based on the following reasons:-

    i) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh has served the Company as an Independent Non-Executive Director for a cumulative term of sixteen (16) years. YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh had during his tenure as an Independent Non-Executive Director of the Company, Chairman of Audit Committee of the Company, Chairman of Compliance, Internal Control and Risk Policy ("CICR") Committee of the Company, Member of the Nomination Committee and Remuneration Committee of the Company, acted in good faith and in the best interests of the Company, exercising his independent judgement during deliberations and decision-making during the Nomination Committee Meetings, Remuneration Committee Meetings, Audit Committee Meetings, Board of Directors' Meetings and CICR Meetings.

    (ii) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh has proven to be a reliable Independent Non-Executive Director, Chairman of Audit Committee, Chairman of CICR and Member of the Remuneration Committee and Nomination Committee by his active participation in all Board and Board Committee Meetings and he provides invaluable inputs as a Board Member, Audit Committee Chairman and Board Committee Member with professionalism, aptitude and outlook of business perspective.

14. **Resolution 6: Agenda 5 – Re-appointment of Messrs KPMG as Auditors of the Company**

    Pursuant to Recommendation 5.2 of Principle 5 (Uphold Integrity in Financial Reporting) of the Malaysian Code On Corporate Governance 2012, the Audit Committee, with the assistance of the Finance Division of the Company, has assessed the suitability and independence of Messrs KPMG as the Auditors of the Company. The Audit Committee and the Board have recommended the re-appointment of Messrs KPMG, who shall retire as Auditors of the Company at the Nineteenth Annual General Meeting of the Company and who have expressed their willingness to continue in office, to hold office as Auditors of the Company for the ensuing year until the conclusion of the next Annual General Meeting at a fee to be determined by the Board of Directors of the Company.

**Special Businesses**

15. **Resolution 7: Ordinary Resolution 2 - Allotment Of Shares Pursuant To Section 132D Of The Companies Act, 1965**

    The Ordinary Resolution proposed under Agenda 6 of the Notice of this Nineteenth Annual General Meeting dated 28 April 2016 is for the purpose of seeking a renewal of the general mandate to empower the Directors of the Company pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, from the date of the above meeting, to issue and allot ordinary shares from the unissued share capital of the Company for such purposes as the Directors of the Company consider would be in the interest of the Company. This authority will, unless revoked or varied at a General Meeting, expire at the next Annual General Meeting of the Company.

    This authority will provide flexibility to the Company for allotment of shares for any possible fund raising activities, including but not limited to placement of shares, funding future investment, project(s), working capital and/or acquisition(s).

    As at the date of this Notice, the Company did not implement its proposal for new allotment of shares under the general mandate pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965 as granted at the Eighteenth Annual General Meeting of the Company held on 16 June 2015.

16. **Resolutions 8 & 9 : Ordinary Resolutions 3 & 4 - Continuing In Office As Independent Non-Executive Directors**

    The Nomination Committee of the Company and the Board of Directors of the Company had assessed the independence of YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh and YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, who have served as Independent Non-Executive Directors of the Company for a cumulative term of sixteen (16) and seventeen (17) years respectively, and with their consents, whilst believing that they can continue to bring independent and objective judgement to Board/Committees deliberations, had recommended for both of them to continue to act as Independent Non-Executive Directors of the Company based on the following justifications:-

    (a) They fulfill the criteria of the definition of Independent Director as stated in the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad and had expressed their willingness to continue in office as Independent Non-Executive Directors of the Company and they do not hold executive positions in the Company/Group nor are they officers of the Company/Group, nor are they adviser or consultant, etc before their Board appointment and they are not major shareholder, not a family member of any Executive Director, officer or major shareholders of the Company/Group as set out in Paragraph 5.4 of the Board Charter.

    (b) Their vast experiences would enable them to provide the Board with a diverse set of experience, expertise and independent judgement to better manage and run the Group.

    (c) Notwithstanding that they have served the Company as Independent Directors for a cumulative term of more than nine (9) years during which they had at all times acted in good faith and in the best interests of the Company, exercising their independent judgement during deliberations and decision making during the Company's Board Meetings, Board Committee Meetings and General Meetings and were familiar with the Company's business operations.

    (d) Both YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh and YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy had proven to be reliable Independent Directors with their professionalism aptitude and outlook of business perspective, devoted sufficient time and attention to their professional obligations for informed and balance decision making and had also exercised due care during their tenure in the best interests of the Company and the shareholders.

    (e) Both YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh and YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy were able to devote sufficient time to discharge their fiduciary duties and responsibilities as Independent Directors of the Company.

# PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

(No. Syarikat: 416087-U)
(Diperbadankan di Malaysia)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) akan diadakan di Concorde I, Concorde Hotel Shah Alam, Aras 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Rabu, 25 Mei 2016 pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan berikut:-**

**SEBAGAI URUSAN BIASA**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkenaan dengannya.
2. Untuk memilih semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:-
   (a) YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail **Resolusi 1**
   (b) YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy **Resolusi 2**
   (c) YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud **Resolusi 3**
3. Untuk memilih semula Pengarah Syarikat berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:-
   (a) YBhg Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir **Resolusi 4**
4. Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut selaras dengan Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965:-

   **Resolusi Biasa 1**
   **Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965**
   "**BAHAWA** YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 5**
5. Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kelulusan kepada para Pengarah Syarikat untuk menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi 6**

**SEBAGAI URUSAN KHAS**

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-

6. **Resolusi Biasa 2**
   **Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**
   "**BAHAWA** sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/kawal selia yang berkaitan, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini diberi kuasa, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan dan mengumpukkan saham dalam Syarikat, dari semasa ke semasa, dan menurut terma dan syarat serta untuk tujuan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh para Pengarah Syarikat dengan syarat agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada masa tersebut, **DAN BAHAWA**, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini turut diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga saham tambahan untuk diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad, **DAN SETERUSNYA BAHAWA**, kuasa sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 7**
7. **Resolusi Biasa 3**
   **Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**
   "**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 8**
8. **Resolusi Biasa 4**
   **Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**
   "**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 9**
9. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

**DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH**

**TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)**
**LEE SIEW YOKE (MAICSA 7053733)**
**Setiausaha-Setiausaha**

Shah Alam
28 April 2016

**Nota:-**

1. Berhubung dengan sekuriti yang didepositkan, hanya Ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 18 Mei 2016 (Rekod Depositori Mesyuarat Agung) adalah berhak untuk hadir, bersuara dan mengundi pada Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas ini.
2. Seseorang Ahli yang berhak hadir dan mengundi pada Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
3. Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak terpakai kepada Syarikat. Tiada sebarang sekatan berkenaan kelayakan seseorang proksi.
4. Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika,
   (a) seseorang Ahli adalah penama diberi kuasa seperti yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti tersebut.
   (b) seseorang Ahli adalah penama diberi kuasa berkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisiari dalam satu akaun sekuriti, iaitu, Akaun Sekuriti Omnibus, tiada had bagi bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa berkecuali tersebut berhubung dengan setiap Akaun Sekuriti Omnibus yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti Omnibus tersebut.

   Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih proksi (mengikut keadaan), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.
5. Surat cara pelantikan seseorang proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakilnya yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah di bawah meterai rasmi atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberikuasaan yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani di bawah surat kuasa wakil yang masih berkuatkuasa, dengan tiada notis pembatalan diterima." Sesalinan Dokumen Pemberikuasaan atau surat kuasa wakil yang sah mengikut undang-undang di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.
6. Mana-mana perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat, boleh melalui resolusi para Pengarahnya atau badan pentadbiran yang lain, memberikan kuasa kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk bertindak sebagai wakilnya pada Mesyuarat ini selaras dengan Artikel 82 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
7. Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd di Unit 32-01, Aras 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau sebarang penangguhannya.
8. Pada mana-mana mesyuarat agung, resolusi yang diundi semasa Mesyuarat hendaklah diputuskan dengan mengangkat tangan kecuali tuntutan supaya pungutan suara diadakan (sebelum atau apabila keputusan undian mengangkat tangan diisytiharkan) sama ada oleh:-
   (a) Pengerusi (sebagai individu yang berhak mengundi); atau
   (b) tidak kurang daripada dua orang Ahli yang hadir sendiri atau berwakilkan proksi dan berhak untuk mengundi; atau
   (c) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan mewakili tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah hak mengundi kesemua Ahli yang berhak mengundi pada Mesyuarat tersebut; atau
   (d) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan memegang saham dalam Syarikat yang memberi hak untuk mengundi pada Mesyuarat yang merupakan saham dengan suatu jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua saham yang memberi hak berkenaan.
9. Tuntutan untuk mengadakan pungutan suara boleh ditarik balik. Melainkan pungutan suara dituntut (dan tuntutan tersebut tidak ditarik balik), suatu pengisytiharan oleh Pengerusi bahawa sesuatu resolusi telah dilaksana atau dilaksanakan secara sebulat suara, atau mengikut suatu majoriti khusus, atau tewas dan satu catatan mengenainya dibuat dalam buku minit, hendaklah dianggap sebagai pengesahan muktamad perkara tersebut tanpa memerlukan bukti tentang bilangan atau pecahan undian yang dicatat menyokong atau menentang resolusi sedemikian.
10. Tiada pungutan suara yang akan dituntut berhubung pemilihan Pengerusi atau persoalan tentang penangguhan. Suatu pungutan suara yang dituntut berhubung apa-apa persoalan lain hendaklah dilaksanakan serta-merta atau pada masa kemudiannya (tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat) dan di tempat yang diarahkan oleh Pengerusi. Tiada notis perlu diberikan mengenai pungutan suara yang tidak diambil dengan serta-merta.
11. Melalui pungutan suara, undian boleh dibuat sendiri atau melalui proksi dan individu yang berhak kepada lebih daripada satu undi, tidak perlu menggunakan semua undian beliau atau mengundi semua hak undinya dengan cara yang sama.
12. **Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015**
    Penyata Kewangan Beraudit adalah untuk perbincangan sahaja di bawah Agenda 1, kerana ia tidak memerlukan kelulusan pemegang-pemegang saham di bawah peruntukan Seksyen 169(1) dan (3) Akta Syarikat 1965. Oleh itu, ia tidak akan diletakkan sebagai pengundian.

**Urusan Biasa**

13. **Resolusi 5: Resolusi Biasa 1 - Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965**
    Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Atas persetujuan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah mengesyorkan agar YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang akan mencapai usia tujuh puluh tiga (73) tahun pada 2016, dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 berdasarkan sebab-sebab berikut:-
    (i) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk tempoh terkumpul selama enam belas (16) tahun. Sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Audit Syarikat dan Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko ("CICR") Syarikat, Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah bertindak dengan penuh keikhlasan demi menjaga kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas semasa proses perbincangan dan apabila membuat keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan, Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran, Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat CICR.
    (ii) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah terbukti boleh dipercayai sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pengerusi CICR dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat dengan penyertaan aktif beliau dalam semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan beliau menyediakan input yang tidak ternilai sebagai Ahli Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Lembaga Ahli Jawatankuasa dengan profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan beliau yang luas terhadap perniagaan.
14. **Resolusi 6: Agenda 5 - Pelantikan Semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat**
    Menurut Cadangan 5.2 Prinsip 5 (Menegakkan Integriti dalam Laporan Kewangan) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Jawatankuasa Audit, dengan bantuan Bahagian Kewangan Syarikat, telah menilai kesesuaian dan kebebasan Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah mengesyorkan pelantikan semula Tetuan KPMG, yang akan bersara sebagai Juruaudit Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas Syarikat dan mereka telah menyatakan kesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan, untuk memegang jawatan sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dengan ganjaran yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

**Urusan Khas**

15. **Resolusi 7: Resolusi Biasa 2 - Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**
    Resolusi Biasa yang dicadangkan di bawah Agenda 6 dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas bertarikh 28 April 2016 adalah bertujuan untuk mendapatkan pembaharuan terhadap mandat am bagi memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, dari tarikh Mesyuarat di atas, untuk menerbit dan mengumpukkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan untuk tujuan sebagaimana para Pengarah Syarikat pertimbangkan adalah demi kepentingan Syarikat. Kuasa ini, kecuali dibatal atau diubah pada Mesyuarat Agung, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.
    Kuasa ini akan memberi fleksibiliti kepada Syarikat untuk mengumpukkan saham bagi sebarang kemungkinan kegiatan mengumpulkan dana, termasuk, tetapi tidak terhad kepada penempatan saham, pendanaan pelaburan pada masa hadapan, projek-projek, modal kerja dan/atau pengambilalihan.
    Sehingga tarikh Notis ini, Syarikat tidak melaksanakan cadangannya untuk mengumpukkan saham baharu di bawah mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 seperti yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Syarikat yang diadakan pada 16 Jun 2015.
16. **Resolusi 8 & 9: Resolusi Biasa 3 & 4 - Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**
    Jawatankuasa Pencalonan Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat untuk tempoh terkumpul masing-masing selama enam belas (16) tahun dan tujuh belas (17) tahun, dan dengan persetujuan mereka, dan percaya bahawa mereka boleh terus menyumbangkan pertimbangan bebas dan objektif kepada perbincangan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa, telah mengesyorkan agar kedua-dua mereka terus berperanan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berdasarkan justifikasi berikut:-
    (a) Mereka memenuhi kriteria takrifan Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan mereka tidak menyandang jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan, juga bukan pegawai Syarikat/Kumpulan, juga bukan penasihat atau perunding, atau sebagainya, sebelum pelantikan mereka sebagai Pengarah, dan mereka juga bukan pemegang saham utama, bukan ahli keluarga dengan mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan seperti yang digariskan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga.
    (b) Pengalaman mereka yang luas akan membolehkan mereka menyumbang pelbagai pengalaman, kepakaran dan pertimbangan bebas kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan mereka mengurus dan mengendalikan Kumpulan dengan lebih baik;
    (c) Walaupun mereka telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun yang mana sepanjang jangkamasa tersebut mereka telah berkhidmat dengan penuh ikhlas dan demi kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas mereka semasa proses perbincangan dan membuat keputusan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa serta Mesyuarat Agung dan mereka memahami operasi perniagaan Syarikat.
    (d) Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan memiliki profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan terhadap perniagaan yang luas, telah menumpukan masa dan perhatian yang secukupnya bagi melunaskan kewajipan profesional mereka terhadap proses membuat keputusan termaklum dan seimbang disamping menampilkan keprihatinan yang sewajarnya sepanjang tempoh mereka memegang jawatan demi kepentingan Syarikat dan para pemegang saham.
    (e) Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy dapat menumpukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka sebagai Pengarah Bebas Syarikat.